



18 OCT, 2024

Sorok 1.06 juta rokok seludup di kilang tinggal

Harian Metro, Malaysia



Sorok 1.06 juta rokok seludup di kilang tinggal

Ipoh: Lebih 1.06 juta batang rokok seludup dianggarkan bernilai lebih RM0.8 juta yang disorokkan di sebuah kilang tinggal di Changkat Jering, Taiping dirampas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Perak.

Pengarah JKDM Perak, Datuk Abdul Ghafar Mohamad berkata, serbuan dilakukan jam 7.05 malam pada 10 Oktober lalu oleh Bahagian Penguatkuasaan JKDM Perak di premis tidak berpenghuni yang dijadikan sebagai stor penyimpanan bahan itu.

“Hasil pemeriksaan dilakukan menjumpai rokok pelbagai jenama disyaki barang larangan, di mana

pekot rokok disita tidak mempunyai pelekat setem cukai dan tiada maklumat berkaitan pengimport mengikut syarat-syarat ditetapkan di bawah Perintah Duti Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023,

“Kilang itu didapati dinaiki semak, tiada bekalan elektrik di situ. Kilang itu kosong dan tidak bernombor serta tidak berkunci.

“Nilai duti atau cukai bagi rokok pelbagai jenama itu dianggarkan bernilai RM808,562.50,” katanya ketika sidang media kejayaan operasi rampasan itu di Bilik Mesyuarat, Kompleks Penguatkuasaan dan Pematuhan JKDM Perak di Meru, semalam.



18 OCT, 2024

Sorok 1.06 juta rokok seludup di kilang tinggal

Harian Metro, Malaysia



SUMMARIES

Ipoh: Lebih 1.06 juta batang rokok seludup dianggarkan bernilai lebih RM0.8 juta yang disorokkan di sebuah kilang tinggal di Changkat Jering, Taiping dirampas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Perak. Pengarah JKDM Perak, Datuk Abdul Ghafar Mohamad berkata, serbuan dilakukan jam 7.05 malam pada 10 Oktober lalu oleh Bahagian Penguatkuasaan JKDM Perak di premis tidak berpenghuni yang dijadikan sebagai stor penyimpanan bahan itu.